

Headline	Tak perlu keluar kampus		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	52	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	345 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,693
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,079



Tak perlu keluar kampus

UM sedia makanan Cina halal dengan harga murah selepas perjuangan MPP selama hampir dua tahun



>>Oleh Nurasyikin Ramli
am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Hasil penyerahan memorandum kepada Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Malaya (UM) seminggu sebelum pilihan raya kampus September lalu, pelajar universiti ini boleh menikmati makanan Cina halal dengan harga yang lebih berpatutan.

Yang Di-Pertua, Majlis Perwakilan Pelajarnya, Izham Ismail berkata, ia satu kejayaan selepas hampir dua tahun memperjuangkan komuniti Cina di situ yang terpaksa keluar kampus untuk men-

dapatkan masakan Cina. "Selepas berbincang dengan pihak HEP, akhirnya kami merealisasikan hasrat pelajar untuk menikmati hidangan masakan Cina yang lebih murah dan dekat dengan kolej kediaman serta fakulti mereka.

"Selain itu, MPPUM berjaya membela nasib pelajar dengan terbina medan selera yang mempunyai pelbagai kemudahan dan makanan antarabangsa," katanya.

Izham berkata, ia seiring usaha memperkenalkan UM sebagai Pusat Makanan Antarabangsa apabila pihak universiti mendirikan dua medan selera di situ menggantikan kafeteria kolej yang akan ditutup.

Antara hidangan menarik di restoran itu seperti nasi campur Cina, 10 jenis minuman herba Cina dan nasi ayam Cina yang boleh dinikmati dengan harga yang lebih rendah daripada restoran di luar kampus.

Timbalan Canselornya,

Prof Datuk Dr Rohana Yusof berkata, usaha MPPUM mencari pengendali makanan Cina halal di medan selera baru itu akan menjadikan kawasan berkenaan tumpuan pelajar untuk berbincang serta berinteraksi bagi mewujudkan perpaduan yang lebih erat di kalangan warga universiti.

Katanya, bagi memudahkan pelajar mengunjungi medan selera berkenaan terutama apabila hujan, pihak universiti akan membina laluan berbumbung untuk kemudahan mereka.



LAZAT... pelajar kini boleh menikmati makanan Cina halal yang murah dalam kampus.